

SYARAT-SYARAT BARANG LUSUH

1. "Hoarding" hendaklah dibina di sekeliling pusat pengumpulan barang-barang lusuh dengan ketinggian 8 kaki dan diperbuat daripada bahan "metal deck" yang dicat lapisan pencegah karat dan sentiasa diawasi supaya berada dalam keadaan bersih.
2. Tidak dibenarkan sama sekali meletak /mengumpul atau melakukan sebarang kerja pengasingan diluar kawasan "hoarding" hadapan dan belakang premis.
3. Semua kerja-kerja pemungghahan barang-barang lusuh hendaklah dilakukan di dalam kawasan "hoarding".
4. Pengusaha hendaklah memperoleh lesen daripada Majlis Perbandaran Selayang sebelum menjalankan aktiviti perniagaan tersebut.
5. Penguasaha hendaklah melantik syaraikat swasta dan kakitangan khusus bagi menjalankan kerja-kerja pengawalan serangga pembawa penyakit/ pembiakan tikus,lalat, lipas dan lain-lain dan satu penyimpanan rekod kerja yang dijalankan disediakan untuk semakan Jabatan.
6. Semburan nyamuk perlu dijalankan mengikut jadual yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah atau Majlis Perbandaran Selayang dan meyimpan rekod kerja-kerja yang dibuat.
7. Barang-barang yang mudah menakung air hendaklah samada ditutup dengan rapi menggunakan kanvas atau dibina bumbung bagi mengelak sebarang bentuk pembiakan nyamuk.
8. Sebarang pembinaan di atas tapak hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan-Jabatan berkaitan di Majlis Perbandaran Selayang.
9. Aktiviti perniagaan hendaklah bermula dari jam 7.00 pagi dan berakhir selewat-lewatnya jam 6.00 petang. Tidak dibenarkan sama sekali aktiviti urusaniaga pada sebelah malam.
10. Pemohon dikehendaki supaya mengawal semua aktiviti yang terlibat dengan perniagaan terutama pencemaran bunyi.
11. Tahap kebersihan hendaklah dipastikan sentiasa terjaga, semua pembuangan sisa adalah menjadi tanggungjawab pengusaha. Pembuangan sisa hanya dibenarkan dibuang ditempat yang dibenarkan.

12. Aktiviti membakar ditapak pengumpulan barang-barang lusuh adalah dilarang sama sekali.
13. Lori /treler tidak dibenarkan diletak di persimpangan jalan.
14. Pengusaha dilarang sama sekali menyimpan, membeli dan menjual barang-barang lusuh yang dicuri dan sekiranya didapati pihak tuan melanggar syarat tersebut, pihak Majlis akan mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang tanpa notis lanjut.
15. Pihak MPS berhak megkaji semula kesesuaian tapak premis perniagaan barang-barang lusuh dan berhak menarik balik lesen yang dikeluarkan sekiranya terdapat aduan awam atau pelanggaran mana-mana syarat pelesenan dan Jabatan Teknikal yang diterima.